



## KENYATAAN MEDIA

### SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

#### DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**08 Ramadhan 1441 / 02 Mei 2020**

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Sabtu, 08 Ramadhan 1441H bersamaan 02 Mei 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua, **tidak ada kes baru jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini.** Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 138 orang.**
  
2. Sementara itu, **dua kes** telah disahkan sembuh dari COVID-19, menjadikan **jumlah keseluruhan yang telah sembuh kepada 126 orang.** Ini membawa jumlah kes aktif yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada ketika ini kepada **11 kes.** Daripada jumlah tersebut, 2 daripadanya masih dalam keadaan kritikal dan kedua-duanya masih memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)* di samping bantuan mesin pernafasan. Selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

3. Pada hari ini juga, seramai **56 orang** masih menjalani kurantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 manakala jumlah keseluruhan mereka yang telah menamatkan tempoh kurantin ialah seramai **2,519 orang**.
4. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 207 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 13,924 ujian.
5. Mengenai dengan kes yang telah sembuh tetapi didapati positif semasa pemeriksaan susulan, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa **tidak ada kes** yang sedemikian disahkan pada hari ini. Ini membawa jumlah keseluruhan kes yang sedemikian pada masa ini seramai **22 orang** di mana **6 orang masih** menjalani pemeriksaan dan ujian lanjut.
6. Di kesempatan ini, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa untuk memperluaskan surveyan jangkitan COVID-19 di kalangan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan akan mengungkayahkan satu kajiselidik di seluruh negara bermula hari Isnin, 10 Ramadhan 1441

bersamaan dengan 4 Mei 2020, selama seminggu. Kajiselidik ini dibukakan kepada sesiapa yang hadir ke pusat-pusat kesihatan yang terpilih semasa kajiselidik dijalankan. Kajiselidik ini melibatkan pengambilan contoh darah, serupa seperti pesakit membuat ujian gula dalam darah di rumah dan keputusannya akan diketahui dalam masa 15 minit. Kerjasama dari orang ramai adalah sangat-sangat diperlukan untuk menjayakan kajiselidik ini.

7. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

**Selamat menunaikan ibadah puasa. Semoga kita semua dirahmati di bulan Ramadhan yang mulia ini dan segala amalan kita di terima**

**Allah Subhanahu WaTa'Ala jua. Aamiin Ya Rabbal Alamiin**

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 08 Ramadhan 1441H / 02 Mei 2020